

# UPM menang Gong Kencana Emas Makum

KUALA LUMPUR – Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi Anugerah Gong Kencana Emas Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) berikutan kecemerlangannya dalam pelbagai pertandingan anjuran majlis itu sepanjang tahun 2007 dan 2008.

UPM terpilih berdasarkan pencapaiannya menjuarai Festival Zapin dan Festival Nasyid 2008 serta Festival Zapin, Deklamasi Puisi Merdeka dan Festival Pantun 2007.

UPM turut merangkul Anugerah Saron Wangsa Makum 2008 yang diberi kepada institusi pengajian tinggi awam yang menunjukkan komitmen tertinggi dalam pertandingan anjuran Makum.

Ketua Unit Seni Budaya dan Kreatif Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UPM, Mohd. Isnain Ali berkata, kemenangan tersebut memberi semangat kepada penggiat seni dan budaya di UPM agar terus meningkatkan mutu persembahan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Ir Dr. Radin Umar Radin Sohadi menyampaikan anugerah-anugerah itu kepada UPM dalam satu majlis di Johor Bahru, baru-baru ini.